

NO. SOALAN : 339

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN :

YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan statistik lawatan ketibaan pelancong ke negeri Sabah terkini bagi tahun 2014 mengikut tempat asal pelancong dan nyatakan pendapatan Kerajaan yang telah dikutip daripada hasil dalam sektor pelancongan pada tahun 2014.**

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat daripada Lembaga Pelancongan Sabah, seramai **3,230,645** orang pelancong telah melawat negeri Sabah pada tahun 2014, penurunan sebanyak **4.5 peratus** jika dibandingkan dengan **3,383,243 orang** pelancong pada tahun 2013.

Dari jumlah tersebut , seramai **996,522** orang adalah pelancong asing dan **2,234,123** pelancong domestik.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi jumlah hasil pendapatan Kerajaan dalam sektor pelancongan, pihak Lembaga masih dalam proses untuk menganalisa data pendapatan pelancong ke Sabah bagi tahun 2014.

Sekian, terima kasih.